

Ibu pejabat PLUS dapat pengiktirafan SEDA

BT 23/8/19
M 1528

Ibu pejabat PLUS Malaysia Bhd (PLUS), Persada PLUS, baru-baru ini menerima pengiktirafan 'One Diamond' bagi Penilaian Karbon Rendah Bangunan daripada Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia.

Kejayaan itu membolehkan PLUS muncul sebagai syarikat konsesi lebuhraya pertama di negara ini yang menerima pengiktirafan berkenaan.

Anugerah memberi pengiktirafan kepada organisasi yang berjaya membuktikan kemampuan dalam melaksanakan usaha penggunaan tenaga elektrik yang cekap, peng-

gunaan tenaga boleh diperbaharui, mengurangkan pelepasan gas karbon dioksida seterusnya membantu melestari dan memulihara alam sekitar dengan lebih luas untuk manfaat bersama.

Penerima anugerah ini dipilih berdasarkan kriteria peratusan pengurangan pelepasan gas karbon dioksida yang direkodkan oleh sesebuah bangunan secara tahunan, seterusnya memberi kesan dalam penjimatan penggunaan tenaga elektrik yang digunakan.

Pada 2018, Persada PLUS berjaya mengurangkan pelepasan gas karbon dioksida sebanyak 6.75 peratus, iaitu bersamaan dengan 286.78 tan gas karbon dioksida dan penjimatan tenaga elektrik sebanyak 413,228 (kilowatt sejam (kWh)).

Ia dicapai menerusi pemasangan *Variable Speed Drive* (VSD) untuk sistem pendingin hawa, mengurangkan penggunaan masa sistem pendingin hawa dan mem-

bangunkan teknologi solar fotovolt.

Selain itu, ia dicapai dengan melaksanakan *de-lamping*, iaitu mengurangkan atau mengalih penggunaan lampu pendarfluor di lokasi pencahayaan mencukupi atau lampu tidak diperlukan, memasang 'motion sensor' lampu di tandas serta surau dan sebagainya.

"Pencapaian ini melakar satu lagi kejayaan bagi PLUS untuk memperluaskan Teknologi Hijau dalam usaha memulihara alam sekitar untuk komuniti dan kakitangan kami di bangunan Persada PLUS," kata Pengarah Urusan PLUS, Datuk Azman Ismail.

Inisiatif hijau PLUS bermula dengan pelancaran Stesen Pengecas Kenderaan Elektrik berasaskan tenaga solar yang pertama di Malaysia di Restoran Jejantas Ayer Keroh (Arah Selatan) pada Disember 2018 serta R&R pertama di Malaysia yang menggunakan tenaga solar fotovolt, iaitu R&R Machap (Arah Utara) pada April lalu.

